

**KAJIAN IMPAK BANGUNAN KAWASAN PERSINGGAHAN LEBUHRAYA
KAJIAN KES RAWANG DAN SEREMBAN**

Oleh

ABDUL HANIF BIN HARUN

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah

Kajian Senibina Perancangan dan Ukur

Institut Teknologi Mara

Shah Alam

Mei 1996

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke Hadrat Allah s.w.t dengan limpah dan kurnianya, Kajian Impak Bangunan Kawasan Persinggahan Lebuhraya telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia En. Wan Salleh Hj. Wan Ibrahim yang telah banyak memberikan khidmat nasihat dan bimbingan di dalam mengendalikan kajian ini.

Selain daripada itu , penghargaan ini ditujukan kepada kakitangan Projek Lebuhraya Utara-Selatan dan Lembaga Lebuhraya Malaysia yang telah banyak membantu di dalam pengumpulan data dan maklumat sehingga terhasilnya kajian akhir ini.

Tidak lupa juga penghargaan khas kepada kedua ibu bapa yang telah banyak memberikan sumbangan serta dorongan sepanjang proses pembelajaran dan juga kajian yang dijalankan. Akhir sekali penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan memberikan galakan serta semangat bagi menjayakan kajian ini. Sekian Wassalam.

Abdul Hanif Bin Harun

30hb. April, 1996

ABSTRAK

Perancangan kawasan pusat persinggahan lebuhraya adalah merupakan satu fenomena baru di Malaysia. Perlaksanaannya dan tahap keberkesanan penyediaannya adalah menjadi tanggungjawab pihak Projek Lebuhraya Utara-Selatan di dalam memberikan perkhidmatan yang seoptimum mungkin kepada pengguna lebuhraya.

Berdasarkan kepada perancangan yang dijalankan oleh Pihak Projek Lebuhraya Utara-Selatan pembangunannya adalah untuk mengelompokkan dan mengintegrasikan sosiobudaya sesuatu tempat. Fenomena yang berlaku sekarang dimana terdapatnya aktiviti-aktiviti penjaja haram disepanjang lebuhraya yang mengancam keselamatan pengguna lebuhraya serta mencacatkan pemandangan lebuhraya itu sendiri.

Seperti yang diketahui, aktiviti yang dirancangkan di pusat persinggahan lebuhraya adalah untuk memberikan perkhidmatan kemudahan kepada pengguna dari aspek fisiologi dan psikologi pengguna semasa membuat perjalanan. Konsep perancangannya adalah untuk mewujudkan sebuah kawasan rehat disamping mewujudkan sebuah kawasan rekreasi baru.

Walaupun begitu, tahap keberkesanan penyediaannya masih lagi diragui, adakah kemudahan yang dirancangkan ini benar-benar mencapai tahap keberkesanan penggunaannya melalui aspek psikologi, sosiologi dan fisiologi pengguna lebuhraya.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isikandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Senarai Lampiran	ix
Senarai Singkat Kata	ix

KANDUNGAN

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pengenalan

1.1	Latarbelakang Projek Lebuhraya Utara-Selatan	2
1.2	Kenyataan Masalah	4
1.3	Kepentingan Kajian	7
1.4	Matlamat	8
1.5	Objektif	8
1.6	Skop Kajian	9
1.7	Had Batasan Kajian	10
1.8	Methodologi Kajian	11

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Projek lebuhraya utara-selatan sering mendapat perhatian ramai dewasa ini. Melalui media massa telah dipaparkan berbagai perspektif mengenai projek ini; samada dari segi kelebihannya ataupun yang menonjolkan masalah dan kontroversi yang dikaitkan dengan pembinaannya.

Dari segi kelebihannya, projek lebuhraya utara-selatan akan mengurangkan masa dan jarak perjalanan serta mengutamakan keselesaan pengguna. Ia juga akan meningkatkan kadar kebolehsampaian kawasan-kawasan pedalaman ke bandar-bandar besar. Walaubagaimanapun penggunaan lebuhraya oleh penduduk tempatan adalah terhad, memandangkan projek lebuhraya ini menggunakan sistem lebuhraya tertutup (yang menghadkan akses). Tambahan pula liputan media massa sering menonjolkan aspek negatif pembinaan lebuhraya, seperti masalah alam sekitar dan penghapusan kawasan pertanian.